

27/03/1999

Prospek ekonomi negara lebih baik

PROSPEK ekonomi Malaysia dijangka lebih baik tahun ini kerana jangkaan ekonomi dan kestabilan politik yang sebelum ini menjadi kebimbangan utama pelabur semakin pulih.

Goldman Sachs, sebuah institusi kewangan berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), berkata antara faktor yang menyokong prospek ekonomi lebih baik ialah usaha penyusunan semula bank yang agresif tanpa membabitkan banyak campur tangan politik.

Goldman Sachs dipetik berkata demikian dalam satu kenyataan dikeluarkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di Kuala Lumpur, semalam bahawa berdasarkan prospek lebih baik tahun ini, maka negara diunjur mencapai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak dua peratus.

Institusi kewangan yang terbabit dalam industri sekuriti dan perbankan pelaburan antarabangsa itu berkata, jangkaan ekonomi dan kestabilan politik sudah mula pulih.

"Ini adalah terbukti berikutan masalah dalaman Umno (parti dominan dalam kerajaan campuran Barisan Nasional) mulai reda dan memperlihatkan keadaan politik yang mula reda terutama selepas kemenangan besar Umno di Sabah," katanya.

Kenyataan itu berkata, langkah politik seterusnya iaitu pilihan raya umum negara dan tarikhnya bergantung kepada pemulihan ekonomi dan kunjungan ke seluruh negara oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menilai keadaan sebenar.

Goldman Sachs menyatakan pembelian/pengurusan lebih daripada RM40 bilion dalam pinjaman tidak berbayar (NPL) oleh Pengurusan Danaharta Nasional dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) dijangka dapat menggerakkan proses penyusunan semula perbankan dan korporat.

Ini ditambah pula dengan lebih daripada RM11 bilion dalam suntikan modal daripada Danamodal dan ini dijangka dapat menggerakkan lebih pantas proses penyusunan semula perbankan dan korporat.

"Pembelian NPL yang mewakili kira-kira 60 peratus daripada anggaran kemuncak nisbah NPL kami dan kira-kira 60 peratus daripada NPL yang diumumkan (sehingga September lalu)," kata institusi itu.

Langkah penting seterusnya bagi ekonomi negara ini ialah jualan aset berkenaan, kata Goldman Sachs.

"Kami menjangka Malaysia akan "menyusun semula sebelum menjual" dan langkah itu akan mengambil masa walaupun cadangan utama (sebagai contoh Renong) sudah diumumkan," tambah institusi itu.

Dengan Malaysia mencuba untuk mengaktifkan pasaran bon ringgit, Goldman Sachs menyatakan, ia menjangka penyusunan semula aset itu (daripada NPL) cenderung ke arah jualan hutang kepada pelabur baru daripada pertukaran hutang dengan kreditor sedia ada.

Dengan memberikan isyarat "baik" kepada kredit Malaysia (contoh bon), Goldman Sachs menyatakan, prospek prestasi ekonomi yang bertambah baik, kadar faedah rendah dan kemasukan dalam indeks ekuiti penanda aras utama akan membantu pasaran ekuiti.

(END)